

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN

KEMENTERIAN KERJA RAYA

BAGI BULAN APRIL 2017 DAN MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH

PADA

18 APRIL 2017

(SELASA)

BERTEMPAT DI

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

KOMPLEKS KERJA RAYA

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Datuk Hajah Rosnah bte Abdul Rashid Shirlin

Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Mohd. Jamidan bin Abdullah

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia TKSU-TKSU, Ketua-Ketua Agensi, pegawai kanan kementerian dan agensi, tuan-tuan dan puan-puan warga Kementerian Kerja Raya yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku Malaysia.

1. Terlebih dahulu bersama-sama kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya maka kita dapat bersama-sama berhimpun pada pagi ini, bagi menjayakan Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya untuk April 2017 dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

2. Alhamdulillah, kini kita telah pun masuk ke dalam suku kedua bagi tahun 2017. Marilah kita bersama-sama sebagai warga KKR merenung dan menilai, seterusnya meneruskan usaha untuk menjayakan matlamat kita iaitu Kearah Kesejahteraan Rakyat.

Y.Bhg. Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

3. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada seluruh warga KKR yang telah memulakan tahun 2017 dengan mencipta beberapa kejayaan yang boleh dijadikan motivasi untuk kita meneruskan kecemerlangan Kementerian. Di antara kejayaan tersebut ialah:

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP NAIKTARAF JETI DAN BANGUNAN TERMINAL, PEMBINAAN BANGUNAN CIQ DAN JETI BAHARU, LANGKAWI, KEDAH

4. Baru-baru ini Jabatan Kerja Raya (JKR) telah berjaya menyerahkan Projek Naiktaraf Jeti dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ dan Jeti Baru, Langkawi, Kedah pada 16 Mac 2017. Projek ini adalah berteraskan '*The Langkawi Tourism Blueprint*', dengan mengiktiraf Terminal Penumpang Kuah, Langkawi sebagai '*Targeted Touch Point*' bagi meningkatkan tanggapan pertama pelancong terhadap Langkawi. Projek ini mula dilaksanakan pada tahun 2013 secara konvensional dalaman, dengan kos projek sebanyak RM86.5 juta. Konsep rekabentuk bangunan adalah berteraskan '*Tropical Modern*', '*Eco-tourism*' dan '*Green Architecture*', serta menerapkan elemen-elemen Rumah Mahsuri & Helang Kawi. Pembinaan projek ini

telah berjaya mencapai skor IBS sebanyak 73.84%, di mana melebihi tahap yang ditetapkan iaitu 70%.

PASUKAN PROJEK ECER JKR MALAYSIA - ANUGERAH MINO BEST PROJECT AWARD 2017, CATEGORY HIGH VOLUME ROAD, BERSEMPENA 15TH REAAA CONFERENCE 2017 BALI, INDONESIA

5. Satu lagi kejayaan yang kita capai ialah apabila memenangi anugerah 'MINO Best Project Award 2017', kategori '*high volume road*' untuk Projek '*Central Spine Road (CSR)*' Pakej 3, bersempena 15th Road Engineering Association Of Asia And Australasia (REAAA) Conference 2017 Bali, Indonesia, 20-24 Mac 2017. MINO Best Project Award telah ditubuhkan pada 2016 untuk mengiktiraf projek jalan raya dan jambatan yang telah dibina di rantau Asia dan Australia. Terdapat dua kategori projek yang dipertandingkan iaitu:

- i- *High-volume road – high-volume expressways / major highways*
- ii- *Community road - rural roads and regional roads.*

6. KKR juga telah mencatat beberapa pencapaian memberangsangkan dalam usaha mentransformasikan industri pembinaan melalui inisiatif CITP.

CONSTRUCTION INDUSTRY TRANSFORMATION PROGRAMME (CITP)

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

7. Construction Industry Transformation Programme atau ringkasnya CITP merupakan rancangan komprehensif yang mentransformasikan

industri pembinaan bermula pada tahun 2016 sehingga tahun 2020. Program ini dilaksanakan menerusi 20 inisiatif CITP yang berlandaskan kepada 4 komponen teras strategik iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kemampunan Alam Sekitar, Produktiviti dan Pengantarabangsaan.

8. Pelaksanaan CITP bagi tahun 2016 berjaya mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan di bawah 4 teras strategik CITP melalui 25 jawatankuasa di mana setiap keahlian dalam setiap jawatankuasa tersebut adalah tertakluk kepada peranan dan fungsi kementerian-kementerian di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Penglibatan ahli-ahli jawatankuasa CITP daripada wakil-wakil kementerian/agensi dan wakil-wakil industri berserta pihak akademik menjadikan pelaksanaan program ini berjalan dengan lancar.

9. Secara keseluruhannya, pelaksanaan CITP bagi tahun 2016, iaitu dalam tahun pertama pelaksanaannya telah berjaya mencapai sasaran-sasaran utama yang ditetapkan. Untuk tahun 2016 kemajuan pencapaian CITP pada keseluruhannya telah menunjukkan prestasi yang memberansangkan. Keseluruhan 96 KPI yang ditetapkan dalam CITP, 62 daripada KPI tersebut telah mencapai lebih daripada 90%, 25 KPI telah mencapai antara 61% sehingga 85% dan 9 KPI lagi kurang daripada 60%.

Antara yang boleh saya sebut pencapaian itu ialah :

I. Teras Kualiti, Keselamatan dan Professionalisme adalah:

- 68% daripada projek yang dinilai menggunakan *Quality Assessment System in Construction* (QLASSIC) telah mencapai skor melebihi 70%;

- 477 daripada 1200 (sasaran pada tahun 2020) *safety and health officer* (SHO) dan 644 daripada 760 (sasaran pada tahun 2020) *site safety supervisor* yang disasarkan telah dilatih;

II. Teras Kemampanan Alam Sekitar antara pencapaian adalah:

- 24 projek kerajaan dan swasta telah dinilai dengan menggunakan MyCREST;
- 2 projek infrastruktur telah dinilai menggunakan *Civil Engineering Environmental Quality Assessment and Award Scheme* (CEEQUAL) iaitu bagi projek *Duke Highway dan West Coast Expressway* (WCE) ;
- JKR juga telah melaksanakan 3 projek rintis dengan mengimplementasi *Sustainable Specification*. 3 projek tersebut adalah Universiti Utara Malaysia (UUM) Colgis, kampus Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (PLKPM).

III. Bagi Teras Produktiviti pula, antara KPI yang telah dicapai adalah:

- 356 professional telah dilatih dalam IBS dan rekabentuk kordinasi modular;
- 604 perantis *on-the-job* telah diwujudkan dalam pelbagai tred; JKR telah menyediakan 30 Pre-Approved Plans (PAP) tambahan daripada 120 PAP yang telah disediakan.

10. Kesemua KPI tersebut adalah bertujuan untuk memastikan produktiviti pembinaan negara dapat ditingkatkan sebanyak 2.5 kali iaitu sebanyak USD16,500 bagi setiap pekerja pada tahun 2020 nanti.

11. Kita harus berbangga kerana perkhidmatan professional industri kita juga diiktiraf di arena antrabangsa. Antara pencapaian KPI dalam **Teras ke-IV iaitu Pengantarabangsaan adalah:**

- industri pembinaan negara telah memperoleh sejumlah RM1.7 billion projek luar negara daripada keseluruhan sasaran iaitu sebanyak RM8 billion pada tahun 2020. Projek-projek tersebut adalah di Qatar, Kambodia, Thailand, India, Bangladesh dan United Arab Emirates;
- 4 daripada 8 consortia telah diwujudkan bagi membida projek di India yang berjumlah RM2.25 billion;

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI AWAM DALAM MEMELIHARA INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM SEMASA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN MEDIA SOSIAL DI INTERNET

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

12. Dalam berhadapan dengan era digital dan dunia tanpa sempadan kini, warga KKR tidak dapat lari malah perlu turut serta dalam menjadi pengguna media sosial seperti Facebook, Twitter, Youtube, Blog, WhatsApp dan medium interaksi lain di internet. Saya menyeru agar seluruh warga KKR sentiasa menjaga etika, memelihara integriti dan sentiasa berusaha menjadikan media sosial sebagai alat untuk meningkatkan produktiviti dan hasil kerja ke arah yang lebih baik dan melangkaui kebiasaan serta mendahulukan dan mengutamakan tugas

yang diamanahkan berbanding perkara yang tidak berfaedah dan kepentingan diri sendiri.

13. Warga KKR perlu mengelakkan sebarang komen / pernyataan / isu yang menyentuh perkara-perkara yang boleh menjejaskan imej dan dasar Kerajaan, maklumat berbentuk fitnah, hasutan dan lucah atau cuba memprovokasi sesuatu isu yang menyalahi peraturan dan undang-undang atau perkara yang menyentuh sensitiviti individu atau kumpulan tertentu yang boleh mencetuskan suasana tidak harmoni.

14. Saya menasihatkan warga KKR untuk mengesahkan dahulu maklumat yang diterima di media sosial dan jangan sekali-kali terlibat dalam menyebarkan sesuatu atau memberikan komen-komen yang boleh ditafsirkan menyalahi Perintah Am (General Orders) atau yang melanggar peruntukan undang-undang seperti dibawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

15. Namun begitu, dari sudut positif media sosial juga tidak boleh kita abaikan. Sebagai contoh, semasa kita melaksanakan program Jelajah FTRoadpedia Zon Timur baru-baru ini, perkongsian media sosial ketika itu menerima impression yang sangat menggalakkan. Impak yang diperolehi daripada Jelajah ini dapat dilihat melalui penyebaran maklumat yang telah dilakukan oleh rakan media, warga kerja raya serta agensi yang mengikuti Jelajah, dan juga RakanKKR. Penyebaran maklumat melalui 5000 tweet KKR, Agensi, dan RakanKKR telah memperoleh 3.5 juta *impression* seterusnya membuktikan bahawa Jelajah ini berjaya memberikan tanggapan positif.

16. Manakala melalui video Jelajah FTRoadpedia Zon Timur pula, KKR memperoleh impak sebanyak 1.7 juta tontonan di Facebook KKR dan 8,501 capaian. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada warga kerja KKR dan agensi-agensi supaya turut serta mempromosikan perkhidmatan KKR dan agensi-agensi menerusi media sosial. Kita juga harus berbangga kerana KKR telah mendapat pujian daripada Ketua Setiausaha Negara kerana aktif dalam menyampaikan perkhidmatan menerusi media sosial.

IKRAR BEBAS RASUAH

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

17. Disamping berbangga dan bersyukur dengan kejayaan yang telah dicapai oleh KKR sehingga kini, satu perkara penting yang menjadi formula kejayaan mana-mana organisasi ialah faktor integriti. Sehubungan itu, program Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang dianjurkan oleh Unit Integriti pada hari ini sudah pasti dapat meningkatkan kesedaran dan menerap nilai integriti kepada warga kerja KKR dan seterusnya mampu meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

18. Ikrar Bebas Rasuah (IBR) merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad yang menekankan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan

menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

19. Pelaksanaan IBR adalah selaras dengan fungsi SPRM di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) iaitu mendidik orang ramai untuk menentang rasuah; dan mendapatkan serta memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

OBJEKTIF IBR ADALAH UNTUK :

- Mendapatkan komitmen pimpinan organisasi dalam usaha pembanterasan rasuah;
- Memastikan organisasi tidak terlibat dengan jenayah rasuah;
- Menanamkan perasaan benci kepada jenayah rasuah dalam warga organisasi; dan
- Memberi mesej kepada mereka yang berurusan dengan organisasi agar tidak melakukan perbuatan rasuah

IBR boleh dibuat oleh pimpinan agensi awam, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik. IBR merupakan satu inisiatif yang dapat memperlihatkan kejujuran, keikhlasan, komitmen kerja dan keinginan untuk berkhidmat dalam suasana kerja yang lebih kondusif dan bebas daripada sebarang anasir rasuah demi menjalankan tanggungjawab dan amanah kepada rakyat.

20. Sesungguhnya prinsip integriti dan akauntabiliti amat penting dan perlu dihayati serta dijadikan budaya dan amalan oleh segenap lapisan warga KKR. Saya amat menyokong padu inisiatif IBR ini dan berharap

agar seluruh warga KKR memberikan kerjasama dan turut sama menyokong usaha murni ini.

PENUTUP

Akhir kata, marilah kita bersama-sama berdoa semoga kerja kita secara ikhlas, akan mendapat keberkatan Ilahi dan dapat memberikan kesejahteraan kepada keluarga kita dan rakyat Malaysia secara keseluruhan. Semoga negara kita terus kukuh, maju dan sentiasa di bawah payung kerahmatan Allah SWT...Aamiin

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.